

Newspaper	Harakah
Date	11 December 2015

# BORANG PAS BUAT DR MAHATHIR

LAPORAN  
LANJUT  
» N31

Saf kepimpinan AKP Pemuda PAS Malaysia ziarah bekas PM

“ Pihak AKP menghadiahkan Dr Mahathir tiga buah buku yang menerangkan tentang konsep dan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah beserta borang keahlian PAS. Beliau menerimanya dengan senyuman yang penuh bermakna.” - IR KHAIRIL NIZAM KHIRUDIN

Harakah  
- 11/12/2015



## KASIH MESRA

Ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia, Ustazah Nuridah Salleh dipeluk erat oleh seorang penghuni Rumah Jagaan Titian OKU Nur di Rawang semasa program Ziarah Mahabbah dan Kebajikan Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan DMPM di rumah tersebut 2 Disember lalu. Foto IFFAH NUR »N04

## PERTEMUAN BERSEJARAH

Buat julung kalinya, Akademi Kepimpinan Pemuda (AKP) Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM) mengadakan pertemuan dengan negarawan, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga bekas Perdana Menteri Keempat dan mantan Presiden Umno di Pejabat Yayasan Perdana di Putrajaya baru-baru ini. Pertemuan antara lain untuk bertukar-tukar pandangan berhubung isu semasa dan pengalaman bekas PM itu menerajui negara. Dr Mahathir (tengah) bersama Naib Ketua Pemuda PAS Malaysia, Ir Khairil Nizam Khirudin (tiga dari kanan) dan Setiausaha Pemuda PAS Malaysia, Ustaz Afnan Hamimi Taib Azamudden (tiga dari kiri) selain Exco DPPM serta anggota AKP Pemuda PAS. Foto AKP DPPM